Di Indonesia, program pembasmian kemiskinan juga hampir serupa dengan negara-negara yang tersebut di atas iaitu dilaksanakan melalui program pembangunan luar bandar antara lain seperti; program pembangunan *luar bandar tertinggal*, program pembangunan *peningkatan hubungkait kawasan bandar - luar bandar (PARUL)*, program pengembangan *Sentra Pembangunan Agrobisnis Komoditi Unggulan (SPAOKU)*, program pengembangan *Kawasan pusat pengeluaran (KSP)*, dan lain-lain. Namun yang sangat ketara ialah kelemahan pelbagai program tersebut kerana tiadanya pelaksanaan yang bersepada, sehingga menyebabkan kurang berkesannya usaha penyelesaian terhadap isu jurang perbezaan di kalangan penduduk tani seperti yang diharapkan.

Orientasi pembangunan ekonomi Indonesia yang lebih menekankan kepada pertumbuhan ekonomi (*economic growth*) turut memburukkan jurang perbezaan sosio ekonomi antara bandar - luar bandar. Ekonomi

luar bandar tidak memperolehi nilai tambah yang setimpal berbanding dengan wilayah bandar. Wilayah luar bandar hanya sekadar menjadi saluran pemasaran dari komoditi primer dari luar bandar sehingga seringkali terjadi kebocoran ekonomi wilayah yang merugikan pertumbuhan ekonomi daerah (Tarigan, Antonius 2003).

Pada praktiknya, strategi pembangunan luar bandar yang dilaksanakan selama ini, belum berjaya mencapai tujuan yang diharapkan bahkan di sisi lain telah menimbulkan pelbagai masalah baru berupa ketidaksamaan antara bandar - luar bandar iaitu perbezaan tingkat kesejahteraan sosio ekonomi antara wilayah bandar - luar bandar. Hal tersebut seperti yang dikatakan oleh Mubyarto (2004), bahawa ketidaksetaraan antara sektor industri dengan sektor pertanian itu kelihatan masih belum tercapai antara bandar - luar bandar. Pembangunan industri, yang sebahagian besarnya terletak di kawasan bandar, tumbuh dengan pesat sejak 30 tahun lalu. Sebaliknya pembangunan sektor pertanian, yang hampir seluruhnya berada di kawasan luar bandar mengalami pertumbuhan yang sangat perlahan.

Sektor pertanian merupakan suatu sistem yang menyeluruh di mana wujud hubungan rapat antara pengeluar dan pengguna. Sistem ini terkait dengan sub sistem yang lain termasuklah proses penyimpanan, pengolahan hasil pengeluaran dan pemasaran (CIDA, 2003). Sebagai

akibat ketidaksamaan wilayah bandar - luar bandar, hubungan interaksi antara keduanya tidak saling memperkuuh, tetapi justru saling memperlemah.

Dalam konteks pembangunan ruangan, wujud keadaan *urban-bias* dalam pembangunan yang cenderung mengutamakan pertumbuhan ekonomi melalui kutub-kutub pertumbuhan yang diharapkan dapat menimbulkan kesan penitisan ke bawah (*trickle down effect*) ke wilayah pedalaman lain yang ternyata pengaruhnya menimbulkan penguasaan besar (*massive backwash effect*) kawasan bandar. Dengan perkataan lain, dalam konteks pembangunan ekonomi telah terjadi pemindahan sumberdaya dari wilayah luar bandar ke kawasan bandar secara besar-besaran, walaupun kawasan bandar juga berperanan penting dalam membekalkan barang dan perkhidmatan untuk pertumbuhan dan pengeluaran pertanian, tetapi hubungan ini lebih menguntungkan wilayah bandar.

Kegagalan pembangunan di wilayah luar bandar, selain mengakibatkan terjadinya kesan penitisan ke belakang (*backwash effect*), juga mengakibatkan penguasaan terhadap pasaran, modal dan kesejahteraan oleh masyarakat bandar. Sebagai akibatnya keadaan masyarakat luar bandar semakin terpencil dalam kancang kemiskinan. Keadaan ini juga dinyatakan oleh Yudhoyono, SB (2004) bahawa pembangunan yang telah berkembang selama ini melahirkan masalah kemiskinan dan masalah

pengangguran struktural di dalam sektor pertanian di wilayah luar bandar. Untuk itu cabaran pembangunan masa depan adalah untuk mengintegrasikan pembangunan pertanian luar bandar secara seimbang. Melihat keadaan yang sedemikian, masyarakat luar bandar secara rasionalnya mula melakukan migrasi ke wilayah bandar. Fenomena demikian berlaku semakin lama semakin deras, meskipun tidak ada jaminan bahawa mereka akan mendapat pekerjaan, akan tetapi bagi mereka kehidupan di bandar lebih memberikan harapan untuk menambah pendapatan. Keadaan ini selanjutnya menimbulkan persoalan-persoalan terhadap masyarakat kawasan bandar, antara lain munculnya kawasan melarat dan setinggan, kesesakan, masalah pembentungan dan bekalan air bersih yang buruk, menurunnya taraf kesihatan masyarakat dan seterusnya akan menjelaskan pengeluaran masyarakat di kawasan bandar.

Dengan demikian, dasar pembangunan luar bandar selama ini belum mampu memberikan perubahan yang memuaskan terhadap peningkatan kesejahteraan masyarakat, sehingga pendekatan dasar pembangunan selama ini perlu dikaji kembali. Berkembangnya kawasan bandar sebagai pusat pertumbuhan ternyata tidak memberikan kesan penitisan ke bawah (*trickle down effect*), Akan tetapi menimbulkan kesan penitisan ke belakang (*back wash effect*) sumberdaya dari wilayah luar bandar ke

wilayah bandar. Zeng dan Sui (2001) menyatakan bahawa hal tersebut merupakan fenomena yang umum terjadi di kalangan negara yang sedang membangun. Pembangunan luar bandar melalui model pembangunan yang lebih wajar dan sesuai diharapkan dapat memberikan penyelesaian yang tepat untuk mengatasi dan menjawab pelbagai permasalahan tersebut. Pernyataan ini seiring dengan konsep yang dikembangkan oleh Friedman dan Douglass (1975) yang cuba memperkenalkan konsep pembangunan wilayah yang dianggap sesuai untuk dilaksanakan di negara yang sedang membangun, iaitu konsep “agropolitan”. Bahkan mereka menekankan pentingnya pendekatan berasaskan sektor pertanian ini dalam pembangunan luar bandar di kawasan Asia dan Afrika yang lazimnya digerakkan oleh ekonomi pertanian.

Apabila pilihan dasar pembangunan ekonomi lebih memihak kepada bandar, maka di sisi lain dasar politik pentadbiran yang terlaksana dalam bentuk pembahagian hak dan kuasa juga dikuatirikan akan menimbulkan pelbagai masalah terhadap pembangunan sosio ekonomi daerah. Sebagai contoh Provinsi Sumatera Utara yang juga dikenal sebagai pusat pertanian nasional terutamanya di luar Pulau Jawa, menurut hasil kajian Lembaga Penyelidikan Smeru (2002) telah menghasilkan pelbagai dasar, terutama yang berkaitan dengan cukai dan pendapatan daerah yang saling bertentangan terhadap pembangunan ekonomi wilayah.

Apabila keadaan itu terus berlangsung, maka kesejahteraan para petani sulit diwujudkan. Ekoran dari pada itu bidang usaha pertanian di sumatera utara secara beransur, menjadi pusat kemiskinan. Petunjuk yang menunjukkan kecenderungan itu kelihatan semakin nyata dan jelas. Menurut data Biro Pusat Statistik Sumatera Utara (2008), jumlah penduduk miskin di Provinsi Sumatera Utara tahun 1999 seramai 16.74 peratus dan pada tahun 2006 menjadi 15.66 peratus, bererti selama 7 tahun tidak ada penurunan penduduk miskin secara signifikan. Ini perlu dianggap sebagai amaran awal supaya semakin peka dan responsif terhadap segala kemungkinan kesan yang ditimbulkan oleh pelbagai dasar dan program yang dilaksanakan. Sementara itu jurang perbezaan sosio ekonomi antara wilayah juga terjadi di Sumatera Utara di mana jumlah penduduk miskin tahun 2004 di wilayah barat seramai 23.53 peratus, wilayah dataran tinggi seramai 18.05 peratus dan wilayah timur seramai 11.05 peratus. Sedangkan pada tahun 2006 jumlah penduduk miskin di wilayah barat meningkat menjadi 25.42 peratus, wilayah dataran tinggi seramai 19.26 dan wilayah timur seramai 11.06 peratus. Untuk jelasnya dapat dilihat seperti pada Jadual 1.1.

Jadual 1.1

Jumlah Penduduk Miskin Wilayah Barat, Wilayah Dataran Tinggi dan Wilayah Timur di Sumatera Utara, Tahun 2004 - 2006

Kabupaten / Bandar	2004		2006	
	Bilangan (000)	Peratus	Bilangan (000)	Peratus
Nias	135.8	31.58	159.9	36.19
Tapanuli Selatan	135.5	22.08	152.1	24.17
Tapanuli Tengah	87.1	31.47	93.1	31.26
Bandar Sibolga	7.8	9.01	9.3	10.09
Wilayah Barat		23.53		25.42
Simalungun	146.3	17.94	163.1	19.39
Karo	62.1	20.0	71.8	20.96
Dairi	54.6	21.16	59.3	22.16
Tapanuli Utara	48.9	19.6	55.7	21.73
Bandar P. Siantar	26.2	11.55	28.4	12.07
Wilayah dataran Tinggi		18.05		19.26
Langkat	189.2	19.89	199.2	19.65
Deli Serdang	117.7	7.72	102.8	6.29
Bandar Medan	142.6	7.13	160.7	7.77
Bandar Binjai	14.7	6.40	15.6	6.38
Bandar T. Tinggi	13.5	10.10	14.4	10.42
Labuhan Batu	131.3	14.16	140.2	14.20
Asahan	129.6	12.91	138.9	13.38
Bandar Tg. Balai	13.5	10.10	14.4	10.42
Wilayah Timur		11.05		11.06

Sumber : Biro Pusat Statistik Sumatera Utara, 2008

Khusus untuk Kabupaten Karo yang terletak di wilayah dataran tinggi, jumlah penduduk miskin ialah seramai 62,100 orang atau 20.0 peratus pada tahun 2004, sedangkan pada tahun 2006 seramai 71,800 orang atau 20.96 peratus. Hal demikian adalah disebabkan oleh pelimpahan

penduduk yang sudah tidak bekerja di kawasan bandar besar kembali ke daerah tempatan kabupaten karo sehingga jumlah penduduk miskin mengalami pertambahan.

Berdasarkan maklumat di atas, bahawa Pemerintah Provinsi Sumatera Utara dianggap belum berjaya mengatasi jurang perbezaan ekonomi baik antara wilayah mahupun masalah pembasmian kemiskinan secara optima, terutama kemiskinan di kalangan penduduk luar bandar. Kawasan bandar juga menerima kesan daripada belum intensifnya pembangunan ekonomi di kawasan luar bandar yang menyebabkan aliran migrasi penduduk luar bandar ke bandar yang menimbulkan pelbagai masalah sosio ekonomi di bandar-bandar besar. Jurang dan ketidaksamaan keadaan sosio ekonomi antara masyarakat bandar - luar bandar yang menggugat keharmonian masyarakat serta tata guna ruang yang kurang memberi perhatian pentingnya pemeliharaan keseimbangan dan pelestarian sumber alam sekitar.

Dari perspektif pemikiran yang demikian, Kabupaten Karo dengan luas wilayah mencapai $2,127.25 \text{ Km}^2$, mengalami pelbagai masalah yang timbul sebagai akibat daripada belum optimumnya program pembangunan ekonomi untuk mengatasi kemiskinan. Kabupaten Karo yang terdiri daripada tiga belas kecamatan, 248 kawasan luar bandar dan 10 kelurahan, dan pada tahun 2000 mempunyai penduduk seramai 283,713 orang. Pada tahun 2005 jumlah penduduk meningkat menjadi

316,207 orang, dengan kadar pertumbuhan penduduk purata 2.19 peratus setahun . Jumlah penduduk yang tergolong dalam kelompok miskin di Kabupaten Karo pada tahun 2006, adalah seramai 71,800 orang atau 22.96 peratus dari jumlah penduduk. Jumlah penduduk miskin teramai di Kabupaten Karo terdapat di kawasan luar bandar dan mempunyai perkaitan dengan struktur guna tenaga yang terserap di pelbagai sektor perkhidmatan di Kabupaten Karo. Distribusi penduduk berdasarkan guna tenaga yang bekerja adalah seperti dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.2
Guna Tenaga Menurut Aktiviti Sektor Ekonomi
di Kabupaten Karo, Tahun 2005

SEKTOR	JUMLAH (ORANG)	PERATUS
Pertanian	74,387	77.69
Perindustrian	1,321	1.36
Perdagangan	8,168	8.53
Pemerintah	3,932	4.10
Lain- lain	7,934	8.32
Jumlah	95,742	100

Sumber : Kabupaten Karo, 2006

Dari data distribusi guna tenaga tersebut, diketahui bahawa sektor perekonomian yang paling ramai menyerap tenaga kerja di Kabupaten Karo adalah sektor pertanian iaitu 77.69 peratus. Dalam konteks ini jumlah penduduk miskin seramai 67,109 orang dihubungkait dengan

jumlah tenaga kerja yang terserap di sektor pertanian sebanyak 74,387 orang, maka dapat dirumuskan bahawa penduduk miskin terbanyak adalah di kalangan petani yang tinggal di kawasan luar bandar. Apabila dihubungkait dengan pertumbuhan ekonomi berdasarkan Keluaran Dalam Wilayah Kasar (KDWK) mulai tahun 1993 sehingga 1997 berdasarkan harga tetap maka pertumbuhan ekonomi di Kabupaten Karo purata 8.35 peratus setahun dan pada tahun 1998 menurun menjadi 0.72 peratus. Hal ini sangat berkaitan dengan bermulanya kegawatan ekonomi di Indonesia. Pada tahun 1999 mulai, meningkat menjadi 5.39 peratus dan secara bertahap mengalami peningkatan, namun mengalami turun - naik. Secara lebih terperinci pertumbuhan ekonomi Kabupaten Karo mula tahun 1993 - 2005 baik berdasarkan harga tetap maupun harga semasa dapat dilihat pada Jadual 1.3.

Jadual 1.3
Pertumbuhan Keluaran Dalam Wilayah Kasar (KDWK) Kabupaten Karo
Mengikuti Harga Tetap dan Harga Semasa, Tahun 1993-2005

Tahun	KDWK Berdasarkan Harga Tetap (Constant Prices)		KDWK Berdasarkan Harga Semasa (Current Prices)	
	Nilai (Rp.000)	Pertumbuhan Ekonomi (peratus)	Nilai (Rp.)	Pertumbuhan Ekonomi (peratus)
1993	482,344.51	-	482,344.51	-
1996	673,464.71	9.45	724,888.77	11.15
1997	724,310.68	7.02	842,928.46	14.00
1998	729,548.83	0.72	1,315,213.53	35.90
1999	771,183.63	5.39	1,579,857.85	16.75
2000	2,104,374.00	-	2,104,374.00	-
2001	2,217,015.11	5.35	2,467,302.96	17.25
2002	2,283,135.69	2.98	2,710,285.82	9.85
2003	2,403,876.36	5.29	2,966,488.40	10.56
2004	2,483,643.38	3.32	3,270,304.48	9.14
2005	2,600,529.76	4.71	3,683,020.64	12.62

Sumber : Kabupaten Karo Dalam Angka, 2004 dan 2006

Keterangan : -Tahun 1993 s/d 1999 menggunakan Harga tetap Tahun 1993

- Tahun 2000 s/d 2005 menggunakan Harga tetap Tahun 2000

Merujuk kepada Jadual 1.2 di atas, pada tahun 1998 pertumbuhan ekonomi sebesar 0.72 peratus berdasarkan harga tetap, namun berdasarkan harga semasa sebesar 35.90 peratus. Hal ini disebabkan oleh kadar inflasi yang sangat tinggi di mana nilai tukar rupiah Indonesia berbanding dolar Amerika Syarikat yang melonjak tinggi dari Rp. 2,500 ke Rp. 15,000 bagi setiap 1 dollar Amerika Syarikat sehingga penerimaan masyarakat menjadi tinggi. Peningkatan Keluaran Dalam Wilayah Kasar (KDWK) Kabupaten Karo yang signifikan tidak berlaku semasa berlangsungnya tahun-tahun krisis kewangan tersebut iaitu bagi tahun 1998 dan 1999. Namun setelah memasuki tahun 2000, bermulanya

pelaksanaan otonomi daerah, maka kenaikan KDWK yang signifikan dialami iaitu dari Rp.771.18 billion pada tahun 1999 menjadi Rp. 2,104.37 billion pada tahun 2000 iaitu kenaikan sebanyak 63.35 peratus.

Sehubungan dengan itu, diperolehi suatu gambaran mengenai perbandingan pertumbuhan KDWK Kabupaten Karo pada masa sebelum dan selepas zaman reformasi. Setelah memasuki masa reformasi atau masa mula berlakunya otonomi daerah pada tahun 2001, kenaikan KDWK Kabupaten Karo mengalami peningkatan, walaupun pada peratus yang rendah.

Apabila dilihat sebaran peratus KDWK berdasarkan aktiviti ekonomi, maka sektor pertanian merupakan sektor yang tertinggi iaitu purata 62.43 peratus setahun iaitu pada tempoh tahun 2000 hingga 2005 berdasarkan harga tetap manakala berdasarkan harga semasa sebesar 62.63 peratus. Jadi tidak banyak perbezaan antara harga tetap dengan harga semasa purata kadar inflasi melebihi 5 peratus setahun. Secara terperinci distribusi peratus KDWK berdasarkan aktiviti ekonomi tahun 2000 sehingga 2005 dapat dilihat pada Jadual 1.4.

Jadual 1.4
Distribusi Peratus KDWK Kabupaten Karo Menurut Aktiviti
Ekonomi Mengikuti Harga Semasa, Tahun 2000 - 2005

AKTIVITI EKONOMI	HARGA SEMASA					
	2000	2001	2002	2003	2004	2005
Pertanian	66.20	65.10	63.55	62.00	61.15	60.55
Penggalian dan Perlambongan	0.25	0.27	0.28	0.29	0.28	0.29
Industri	0.81	0.85	0.81	0.87	0.88	0.80
Elektrik, Gas dan Air Bersih	0.30	0.32	0.38	0.42	0.44	0.42
Pembinaan	3.11	3.05	3.27	3.46	3.68	3.66
Perdagangan, Hotel dan Restoran	11.45	11.81	11.54	11.81	11.75	12.05
Pengangkutan dan Komunikasi	7.34	8.10	9.49	10.09	9.61	9.18
Kewangan, Persewaan dan Perkhidmatan Perusahaan	1.66	1.64	1.89	1.80	1.88	1.66
Perkhidmatan lain	8.88	8.86	8.78	9.26	10.32	11.39

Sumber : Kabupaten Karo, 2005;

Dalam konteks itu, dengan sumbangan terbesar KDWK diperolehi dari sektor pertanian mencapai 62.63 peratus dan dengan hakikat bahawa sektor pertanian menyerap tenaga kerja seramai 74,387 orang atau 77.69 peratus dari jumlah guna tenaga aktiviti ekonomi atau 23.52 peratus dari jumlah penduduk Kabupaten Karo pada tahun 2005, semestinya Pemerintah Kabupaten Karo dapat mengembangkan dasar dan strategi serta program pembangunan sosio ekonomi yang lebih intensif atau memuaskan untuk mengatasi masalah kemiskinan di kawasan luar bandar. Namun hakikatnya tidak sedemikian, penyelesaian masalah kemiskinan di Kabupaten Karo adalah perlahan dan tidak memuaskan

terutama usaha pembasmian kemiskinan di 258 wilayah luar bandar yang tersebar di 13 wilayah kecamatan. Dengan demikian tidak salah kalau ada pihak yang beranggapan bahawa pembangunan sosio ekonomi di Kabupaten Karo, Provinsi Sumatera Utara adalah ternyata kurang berkesan.

Kurang berkesannya pembangunan sosio ekonomi di Kabupaten Karo antara lain juga dapat dijelaskan dari keadaan prasarana khususnya jaringan pengangkutan yang menjadi urat nadi aktiviti sosio ekonomi. Pada tahun 2001 di Kabupaten Karo terbentang jaringan jalan dan jambatan sepanjang 1,060.20 km. Jaringan jalan tersebut terdiri dari 534.40 km jalan bertar 185.50 km jalan berbatu 47.30 Km jalan kerikil 292.70 Km jalan tanah.

Kemudahan lain yang mendukung aktiviti perekonomian di kabupaten karo adalah jaringan telefon, elektrik dan bekalan air bersih. Sebaran kemudahan awam tersebut di wilayah kabupaten karo dapat diketahui dari data seperti Jadual 1.5.

Kurang berkesannya pembangunan sosio ekonomi untuk mengatasi kemiskinan di kawasan Luar bandar Kabupaten Karo Provinsi Sumatera Utara, merupakan suatu fenomena pembangunan yang tidak berdiri sendiri.

Jadual 1.5
Kemudahan Awam dan Prasarana di Kabupaten Karo, Tahun 2005

Kecamatan	Kawasan Luar Bandar (buah)	Jarak dari bandar Kabupaten (km)	Kemudahan Telefon (Unit)	Kemudahan Elektrik (RT)	Kemudahan Bekalan Air Bersih (luarbandar)
Mardingding	10	93	-	1.973	-
Laubaleng	13	67	-	3.083	-
Tg. Binanga	19	36	234	4.178	11
Juhar	24	45	-	3.185	4
Munte	22	24	27	3.954	-
Kutabuluh	16	37	8	1.968	-
Payung	25	25	12	4.741	-
Sp. Empat	40	7	44	9.636	6
Kabanjahe	13	0	1.279	11.830	8
Berastagi	9	11	381	8.333	7
Tiga Pamah	29	5	10	8.095	11
Merek	19	23	28	2.450	2
Barusjahe	19	14	33	5.326	3
Jumlah	258	-	2.046	68.752	52

Sumber : Kab. Karo, 2006

Sehubungan dengan hal tersebut, ada beberapa faktor lain yang saling mempengaruhi pembangunan sosio ekonomi atau pembangunan wilayah di Kabupaten Karo baik dari dimensi dalaman maupun dimensi luaran iaitu :

- i) keadaan geografi, demografi dan Infrastruktur perekonomian daerah;
- ii) kualiti modal insan sama ada masyarakat maupun kaki tangan pemerintah;

- iii) perancangan pembangunan tempatan dan perancangan strategik pemerintah yang tersusun, kapasiti pembiayaan dan perancangan anggaran daerah;
- iv) keadaan kemudahan dan prasarana pemerintahan daerah.
- v) pembangunan kawasan agropolitan dataran tinggi bukit barisan provinsi sumatera utara serta mekanisme hubungan antara pemerintahan tempatan dengan wilayah provinsi dan pusat.
- vi) perancangan pembangunan jangka menengah daerah provinsi sumatera utara.

Dariuraian di atas jelas menunjukkan bahawa rancangan pembangunan wilayah di Kabupaten Karo Provinsi Sumatera Utara mempunyai perkaitan yang dipengaruhi oleh banyak faktor sama ada dalam dimensi dalaman alam sekitar; mahupun dalam dimensi luaran Kabupaten Karo, sehingga pengkaji berandaian bahawa pelaksanaan otonomi daerah dan pembangunan kawasan agropolitan, merupakan dua faktor yang berpengaruh positif terhadap perancangan pembangunan sosio ekonomi wilayah di Kabupaten Karo.

Andaian terhadap fenomena pembangunan ekonomi di Kabupaten Karo, dapat diertikan sebagai suatu konsep gagasan penyelidikan, dan merealisasikannya berdasarkan andaian terhadap fenomena yang

dijadikan objek penyelidikan. Fokus kajian ialah mengenai pengaruh pelaksanaan dasar otonomi daerah dan pembangunan kawasan agropolitan terhadap pembangunan sosio ekonomi penduduk di Kabupaten Karo, serta konsep penyusunan perancangan strategi pembahagian kuasa pembangunan kawasan agropolitan kabupaten karo. Adapun sebagai alasan pemilihan penyelidikan tersebut dapat dijelaskan seperti berikut :

Pertamanya ialah, fenomena pembangunan ekonomi di Kabupaten Karo dan korelasinya dengan pelaksanaan dasar otonomi daerah dan pembangunan kawasan agropolitan dapat dijadikan sebagai objek kajian bagi penerapan fungsi Ilmu Kemanusiaan yang mengangkat objek tersebut dari perspektif kemiskinan, pengangguran dan ketidaksamaan sosio ekonomi antara kawasan bandar - luar bandar.

Keduanya ialah, perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan dasar otonomi daerah dan pembangunan kawasan agropolitan dipilih kerana kedua perkara tersebut sedang menjadi isu yang amat terkini dalam penyelenggaraan pemerintahan daerah di Indonesia terutama Kabupaten Karo Provinsi Sumatera Utara yang kaya akan modal pertanian.

Ketiganya ialah, aspek pembangunan sosio ekonomi dapat dijadikan satu tanda arah untuk kejayaan pelaksanaan dasar otonomi daerah dalam mengatasi masalah-masalah kemiskinan, pengangguran dan ketidaksamaan sosio ekonomi masyarakat terutama yang terjadi di kawasan luar bandar dalam wilayah Kabupaten Karo.

1.2. ISU DAN PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan perbincangan di atas maka perumusan masalah dalam kajian ini perlu memperhitungkan isu-isu yang dihadapi pada peringkat nasional, wilayah mahupun tempatan antara lain isu-isunya ialah:

Peringkat Nasional.

Ada tiga perkara yang dihadapi dalam peringkat nasional iaitu:

- i) dasar pembangunan ekonomi nasional selama ini menitikberatkan kepada sektor industri yang berasas kepada sektor pertanian, namun dalam pelaksanaannya kurang berorientasi bidang usaha pertanian;
- ii) dasar pemerintahan yang terpusat menyebabkan terjadinya jurang perbezaan pembangunan wilayah antara pulau jawa dan luar jawa, sehingga menyebabkan kadar pertumbuhan ekonomi yang tidak seimbang di antara kedua wilayah (Kuncoro. 2004);

- iii) pembangunan kawasan bandar yang begitu pesat menyebabkan terjadinya peningkatan urbanisasi dari 37.5 peratus tahun 1995 menjadi 40.3 peratus pada tahun 1998 sehingga mengakibatkan terjadinya penitisan ke belakang (backwash effect) oleh bandar terhadap luar landar sebagai akibat tingginya kadar pengangguran di luar bandar .

Peringkat Wilayah Provinsi Sumatera Utara.

Pada peringkat wilayah Sumatera Utara, masalah yang dihadapi iaitu:

- i) wujudnya jurang perbezaan antara wilayah dataran tinggi bukit barisan dan dataran rendah sebagai akibat perbezaan keadaan fizikal topografi dan kemudahan terhadap jalur perdagangan wilayah;
- ii) kuantiti dan kualiti kemudahan jauh lebih rendah di wilayah luar bandar berbanding kawasan bandar sehingga bandar-bandar di Kabupaten belum mampu memberikan perkhidmatan optimum kepada daerah pedalaman.
- iii) wujudnya jurang perbezaan pertumbuhan sosio ekonomi antara kawasan pantai timur dengan pantai barat sebagai akibat rendahnya kualiti modal insan mahupun prasarana.

Peringkat Tempatan Kabupaten.

Manakala pada peringkat daerah tempatan Kabupaten Karo ada beberapa permasalahan yang dihadapi, iaitu :

- i) bandar kabupaten dan bandar kecamatan belum mampu melayani perkhidmatan masyarakat luar bandar yang majoritinya petani;
- ii) terjadinya pengaliran keluar modal dan ide dari wilayah luar bandar ke bandar sehingga wilayah luar bandar semakin tertinggal dan menyebabkan jurang pembangunan wilayah antara bandar dengan luar bandar semakin melebar;
- iii) meningkatnya jumlah penduduk miskin di luar bandar dari 7 peratus pada tahun 1998 menjadi 20.96 peratus pada tahun 2006;
- iv) terjadinya perubahan dasar pemerintah yang sangat mendasar dari sentralisasi kepada desentralisasi yang menyebabkan terjadinya perubahan strategi pembangunan wilayah, iaitu dari peranannya dari atas ke bawah (top down planning) menjadi peranannya dari bawah ke atas (bottom up planning) sehingga perlu dicarikan konsep perancangan wilayah yang lebih sesuai dengan keadaan dan suasana tempatan.

Bertolak dariuraian tersebut di atas maka masalah utama yang ingin dijawab melalui penyelidikan ini adalah seperti berikut :

- i) apakah dasar desentralisasi dapat dijadikan sebagai asas dalam usaha untuk pembangunan wilayah di Kabupaten Karo?
- ii) apakah strategi pembangunan wilayah melalui pembangunan program agropolitan dapat mengurangi jurang sosio ekonomi antara-wilayah, antara-sektor dan eksplorasi modal kawasan luar bandar; dapat dijadikan sebagai asas pembangunan wilayah?
- iii) bagaimanakah acuan model pembangunan agropolitan yang praktik boleh diterapkan dan bagaimana dasar yang perlu disediakan serta digunakan menjagakan pembangunan wilayah di kawasan kajian?

Secara garis besar perumusan masalah yang terjadi dalam pembangunan disajikan dalam Rajah 1.1.